

09/01/1997

Mesej PM perlu difahami

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Rabu - Rakyat Kelantan perlu menilai secara positif dan memahami mesej Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menganggap kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Pulau Chondong sebagai bukti rakyat di negeri ini menolak pembangunan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata mesej Perdana Menteri itu jelas, iaitu jika rakyat Kelantan terus memberi mandat kepada Pas mentadbir negeri ini, mereka akan menghadapi masa depan gelap untuk menikmati kemajuan dan pembangunan.

"Dalam konteks pembangunan negeri dan membela nasib rakyat, kerajaan Pas terbukti tidak berkemampuan berbuat demikian jika dibandingkan dengan BN.

"Kita semua tahu kerajaan Pas Kelantan tidak berkeupayaan membawa kemajuan dan pembangunan kepada kehidupan rakyat dalam erti kata sebenar," katanya.

Zainal Abidin diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang menganggap kekalahan BN dalam pilihan raya kecil Pulau Chondong membuktikan rakyat Kelantan mahukan Pas tanpa mempedulikan soal pembangunan atau pentadbiran yang baik.

Dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong (N32) Isnin lalu, calon Pas, Zulkifli Mamat menewaskan calon BN, Yusoff Hamzah dengan majoriti tipis 118 undi.

Zainal Abidin berkata, rakyat harus menerima segala tanggungjawab jika Kelantan terus ketinggalan dan generasi akan datang sukar untuk menikmati kehidupan lebih bahagia.

Menurutnya, pembangunan merangkumi pelbagai aspek termasuk peningkatan kualiti hidup dalam bidang ekonomi, pendidikan dan agama selaras dengan tuntutan Islam.

Bagaimanapun, Zainal Abidin tidak menolak kemajuan yang ada di Kelantan, tetapi itu adalah hasil bantuan Kerajaan Pusat.

"Sebenarnya kemajuan yang ada di Kelantan sekarang hanya sekadar untuk rakyat cari makan bagi kehidupan seharian dan masih jauh untuk membolehkan umat Islam mencapai kecemerlangan dalam segala aspek kehidupan.

"Oleh itu, apa yang diperkatakan Perdana Menteri itu ada benarnya dan mempunyai mesej mendalam dan perlu difahami seluruh rakyat," katanya.

Sementara itu, Adun Pergau, Abdul Aziz Derashid, berkata rakyat Kelantan perlu menilai semula secara ikhlas kepercayaan mereka terhadap Pas demi menjaga kepentingan generasi masa depan.

Beliau yakin walaupun BN tewas dengan majoriti tipis, ia menunjukkan suatu perubahan baru terhadap keinginan sebenar umat Islam di negeri ini.

"Oleh itu, rakyat perlu sedar apa yang dijelaskan Perdana Menteri itu adalah peringatan dalam membuat penilaian demi kepentingan masa depan anak cucu kita agar mereka dapat menikmati kehidupan lebih baik," katanya.

(END)